



9

PEMBANGUNAN EKONOMI DALAM HUBUNGAN ETNIK HAMIDAH AB RAHMAN MUHAMMAD BIN DAUD NORLIN BINTI AHMAD

PENGENALAN

Konsep pembangunan membawa maksud yang amat luas sama ada dari segi pengertiannya mahupun pelaksanaannya. Ini berikutan dengan pengertian pembangunan itu sendiri mengikut bidang-bidang yang diperbincangkan. Ada yang membincangkannya dari perspektif politik dan ada yang membincangkannya mengikut perspektif ekonomi dan sosial. Oleh itu kepelbagaian bidang ini telah menghasilkan pelbagai bentuk pengertian yang amat luas dan kompleks. Bab ini membincangkan pembangunan ekonomi negara dalam konteks hubungan etnik di Malaysia. Antara perkara yang dibincangkan ialah sejarah perkembangan ekonomi Malaysia yang telah melalui beberapa perubahan bermula daripada era pra-penjajah sehingga kini. Penumpuan diberikan kepada dasar-dasar pembangunan ekonomi negara seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Dasar Wawasan Negara (DWN). Dasar-dasar ekonomi tersebut bukanlah hanya tertumpu kepada pembangunan ekonomi semata-mata tetapi juga penekanan diberikan pada aspek keadilan sosial bagi semua kaum di Malaysia.

KONSEP PEMBANGUNAN EKONOMI

Pembangunan dan pertumbuhan ekonomi adalah dua istilah yang sangat penting apabila membincangkan konsep pembangunan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi merupakan prasyarat pembangunan ekonomi dalam usaha untuk membentuk identiti sesebuah negara dari perspektif ekonomi. Mengikut Berger (Dalam Hazil (1990:18)

“...Dalam erti kata yang seluas-luasnya, ‘pembangunan’ adalah difahami sebagai suatu proses yang menyebabkan sesuatu negara miskin menjadi kaya. Kadang-kadang negara yang kaya menjadi lebih kaya lagi...”

Apa yang penting di sini ialah kedua-dua istilah mempunyai matlamat untuk membaiki dalam taraf hidup kerana ia melibatkan keadaan-keadaan serta syarat-syarat untuk memperbaiki perkembangan masyarakat keseluruhan dari perspektif pembangunan ekonomi.

Oleh itu pembangunan ekonomi sesebuah negara tidak seharusnya disamakan dengan peningkatan pendapatan per kapita, pengeluaran atau jumlah eksport sahaja, tetapi ia perlu dikaitkan dengan kualiti hidup masyarakat, kemampuan penyelesaian masalah kemiskinan, keperluan asasi manusia, keupayaan mendapat tempat perlindungan, keupayaan memperoleh peluang pekerjaan, keupayaan menghantar anak ke sekolah, keadaan alam sekitar yang bersih serta lain-lain petunjuk sosial bersangkutan dengan suasana kehidupan yang sempurna dan layak dinikmati oleh manusia (Nor Aini et.al, 1996).

Pandangan di atas menjelaskan bahawa agihan pendapatan mesti diseimbangkan dan kadar kemiskinan mestilah dikurangkan supaya kualiti hidup dapat ditingkatkan. Mengikut Bartelmus (1994), pembangunan ekonomi sebenarnya adalah untuk membaiki kualiti taraf hidup atau kebajikan penduduk bagi generasi hari ini dan akan datang.

Justeru itu pembangunan pesat dan pertumbuhan ekonomi yang tinggi adalah matlamat yang perlu dicapai oleh setiap negara di dunia ini. Pembangunan ekonomi penting bukan sahaja bagi meningkatkan

pendapatan dan hasil negara, serta mewujudkan peluang pekerjaan bagi menampung pertumbuhan penduduk yang pesat, tetapi juga memastikan mutu hidup rakyat meningkat (Rahimah, 2003). Dalam konteks pembangunan ekonomi di Malaysia, peningkatan mutu hidup rakyat ini perlu diberi penekanan supaya seimbang dengan peningkatan mutu hidup pelbagai kaum yang menjadi warganegara Malaysia.

SEJARAH RINGKAS PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Kegiatan ekonomi di Semenanjung Tanah Melayu dapat dihalusi melalui fakta sejarah yang boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat perkembangan seperti berikut:

i) Era pra-penjajah

Ekonomi Tanah Melayu berkembang pesat sejak peringkat pra-penjajahan lagi. Kedudukan geografi Semenanjung Tanah Melayu yang terletak di persimpangan lalu-lintas Selat Melaka, serta muaramuara sungai yang sesuai beroperasi sebagai pelabuhan semula jadi, telah memberi peluang kepada penduduk setempat bergiat cergas dalam bidang perkhidmatan dan perdagangan.

Di samping itu, kegemilangan kesultanan Melayu Melaka juga merupakan faktor utama kepada kepesatan perkembangan ekonomi kepulauan Melayu pada ketika itu. Buktinya jelas dengan kemunculan kota Melaka yang menjadi sebuah pelabuhan 'entreport' yang telah menunjukkan taraf keupayaan pemerintah dan penduduk mengendalikan sistem ekonomi yang maju dan berjaya.

ii) Era penjajah

Kejatuhan empayar Melaka ke tangan Portugis telah menyaksikan satu era permulaan campur tangan kuasa-kuasa barat (bangsa Eropah)

di rantau ini, khususnya di Tanah Melayu. Bangsa Eropah berlumba-lumba mencari kawasan jajahan baru bertujuan untuk menambah kekayaan, perdagangan serta pengaruh politik mereka.

Portugis telah berjaya mengawal kawasan di sekitar Melaka serta lalu-lintas di perairan Selat Melaka dengan menguatkuasakan sistem cukai

Corak campur tangan kuasa-kuasa Eropah telah mengalami perubahan setelah termeterainya perjanjian Inggeris-Belanda (1824). Pihak Inggeris telah berjaya meluaskan perdagangan di Tanah Melayu. Aliran masuk modal perdagangan dan buruh semakin meningkat dengan pembukaan beberapa pelabuhan di Pulau Pinang, Singapura, Jesselton dan Labuan.

Aktiviti ekonomi pada ketika itu tertumpu kepada perdagangan, pertanian (kecil-kecilan) dan perlombongan. Ini telah menarik minat pelabur-pelabur, pedagang-pedagang dan buruh-buruh imigran datang ke Negeri-negeri Selat.

Pada akhir abad ke-19, kawalan politik Inggeris telah memberi kesan ke atas kedudukan ekonomi Tanah Melayu. Perjanjian Pangkor (1873) memberi kuasa kepada Inggeris dalam pengutipan hasil, undang-undang tanah dan guna tenaga (buruh asing). Hasilnya wujudlah:

1. sistem jalan raya dan keretapi pantai barat semenanjung.
2. pembukaan ladang-ladang dan estet pertanian
3. pengukuhan dasar pecah dan perintah di negeri-negeri jajahan Inggeris.

Menjelang Perang Dunia Kedua, kegiatan ekonomi eksport telah memainkan peranan penting dengan penumpuan kepada pengeluaran getah dan bijih timah. Di Sabah, penumpuan dibuat kepada kayu balak dan di Sarawak pula, lada hitam dan petroleum.

Ketika Semenanjung Tanah Melayu diletakkan di bawah persekutuan (1948-1956), Inggeris telah mula memberi tumpuan

kepada pembangunan sektor ekonomi, namun sumbangan pihak Inggeris dalam proses pertumbuhan ekonomi masih tetap tidak berubah akibat daripada Perang Dunia Kedua.

ERA SELEPAS MERDEKA

Sebelum membincangkan tentang perkembangan ekonomi selepas merdeka, adalah perlu ditinjau terlebih dahulu dasar tanah yang telah dikuatkuasakan oleh penjajah Inggeris, kerana dasar tanah ini juga menjadi salah satu faktor yang boleh menjelaskan bagaimana dan mengapa ekonomi kaum-kaum di Malaysia, khususnya orang Melayu, berada pada tahap seperti hari ini.

Perluasan sektor pertanian yang menggunakan modal yang besar membuatkan pemerintah Inggeris perlu mengadakan asas undang-undang pemilikan tanah. Dua pertimbangan yang mempengaruhi dasar tanah telah dilaksanakan. Pertama, keadaan yang tidak menyekat perkembangan perusahaan Barat dan kedua, undang-undang dan peraturan yang boleh melindungi hak-hak orang Melayu.

Sistem pendaftaran tanah Torrens telah diperkenalkan di semua negeri (kecuali negeri-negeri Selat). Sistem pemilikan tanah ini berasaskan kepada ciri-ciri milik kekal, diwarisi, dipindah milik, dan tanpa menyekat penjualan tanah. Sistem ini menggantikan peraturan penggunaan tanah mengikut undang-undang dan Adat Melayu. Dasar tanah Inggeris ini memastikan bahawa ia adalah sesuai untuk kepentingan Inggeris bagi meluas dan memperkembangkan perladangan dan perlombongan.

Di samping itu pula, pengenalan sistem tanah bagi kepentingan perdagangan dengan tidak sengaja mengakibatkan petani yang keseluruhannya orang-orang Melayu kehilangan tanah, terutamanya pada waktu harga getah melambung naik. Pada waktu lain, dasar ini menggalakkan kegiatan spekulasi tanah. Pihak pentadbiran Inggeris merasa bimbang terhadap perkembangan ini dan kemungkinan

keadaan ini akan mewujudkan kumpulan buruh upahan Melayu yang tidak mempunyai tanah.

Keadaan ini bertentangan dengan dasar penempatan mereka di mana pihak Inggeris mahu mengekal dan menggalakkan lebih ramai orang Melayu menjadi petani. Untuk mengelakkan spekulasi tanah, kerajaan Inggeris memperkenalkan pindaan pajakan tanah pada tahun 1911. Dua tahun kemudiannya, Enakmen Tanah Simpan telah memperuntukkan kuasa kepada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk menentukan kawasan simpanan bagi digunakan oleh orang-orang Melayu khususnya untuk tanaman padi. Ini juga akan mengelakkan mereka daripada menjual kebun-kebun kecil untuk dijadikan ladang getah.

Peraturan yang dikuatkuasakan pada tahun 1915 pula telah menentukan kawasan penempatan (simpanan) orang-orang Melayu yang tidak boleh dimiliki oleh orang-orang bukan Melayu. Peraturan ini juga telah menimbulkan beberapa batasan dalam usaha untuk memajukan tanah-tanah tersebut. Contohnya penanaman dan jumlah pokok kelapa serta buah-buahan bagi setiap hektar adalah dihadkan. Getah tidak boleh ditanam kecuali dengan bayaran sewa tanah yang lebih tinggi. Peraturan ini meninggalkan satu kesan di mana orang Melayu tetap kekal tinggal di desa dan hanya mampu menjalankan pekerjaan yang cukup untuk menyara hidup sendiri. Fenomena ini telah menyumbang kepada satu keadaan ketidakseimbangan pendapatan dan penempatan di kalangan kaum-kaum di Malaysia. Bagi memahami keadaan ketidakseimbangan ini adalah perlu ditinjau keadaan sosio-ekonomi penduduk tersebut dahulu.

Jumlah penduduk Malaysia pada bulan Ogos 1970 ialah 10, 439, 530 orang. 4,886,912 atau 46.8% adalah orang Melayu dan 1,053,795 atau 10.1% adalah bumiputera lain seperti Dayak, Iban, Kadazan dan sebagainya. Oleh itu bumiputera merupakan 56.9% daripada penduduk Malaysia. Jumlah orang Cina ialah 34.1% atau 3,555,871 orang manakala orang India dan lainnya pula 9.0% atau 942,944 daripada jumlah penduduk Malaysia (Jabatan Statistik, 1972:24).

Sungguhpun jumlah penduduk bumiputera melebihi penduduk bukan bumiputera, tetapi mereka jauh ketinggalan dalam lapangan ekonomi. Ini adalah kesan dasar ekonomi penjajah British selama 90 tahun yang menimbulkan dwi-ekonomi (dual economy) di mana kaum bukan bumiputera dibiarkan maju dalam ekonomi moden, iaitu perniagaan, pembuatan, pengeluaran getah dan perlombongan bijih timah yang memberi pendapatan yang tinggi, manakala bumiputera dibiarkan bergiat terus dalam ekonomi pertanian tradisional (Ness, 1967). Pada pertengahan tahun 1950, Bank Dunia menganggarkan bahawa dalam sektor pertanian tradisional ini telah menghasilkan kurang daripada 25% daripada Keluaran Kasar Dalam Negeri. Ini adalah hasil sebahagiannya dari dasar penjajah British untuk ‘melindungi’ orang Melayu, yang berasaskan ekonomi pertanian, tetapi tidak menyediakan orang Melayu untuk bertanding dalam ekonomi moden (Raja Muhamed, 1980)

Oleh itu, kebanyakan orang Melayu didapati bekerja dalam sektor pertanian tradisional dan dengan kerajaan, manakala orang Cina dan India menguasai sektor perdagangan, pembuatan, perlombongan, binaan dan estet getah. Ini menyebabkan orang Melayu mendapat pendapatan yang lebih rendah daripada bukan Melayu. (Silcock, dalam Raja Mohammad, 1982:27).

Silcock seterusnya menganggarkan bahawa pada tahun 1947 dan 1957, orang Cina menerima 3/5, manakala orang Melayu menerima lebih sedikit daripada 1/5 daripada jumlah keseluruhan pendapatan Malaya (Malaysia Barat). Ini dapat dibuktikan dengan beberapa kajian tentang perbezaan perbelanjaan mengikut kaum (Wook Endut dalam Rahmah dan Zaini, 1988). Secara purata, isi rumah Melayu membelanjakan RM510.49 ke atas perbelanjaan penggunaan, manakala isi rumah Cina membelanjakan RM875.25, isi rumah India sebanyak RM813.88, dan isi rumah lain-lain kaum membelanjakan RM1026.42 ke atas perbelanjaan penggunaan. Perbelanjaan isi rumah Cina adalah 1.7 kali ganda daripada isi rumah Melayu. Bilangan ini menunjukkan ketidaksetaraan dalam agihan pendapatan di Malaysia.

Nisbah perbelanjaan ke atas makanan isi rumah Cina dengan isi rumah Melayu ialah 1.5:1. Begitu juga dengan komuniti-komuniti lain, nisbahnya lebih besar berbanding dengan isi rumah Melayu. Dari segi nilai, isi rumah Melayu membelanjakan RM154.83 ke atas barangan makanan berbanding dengan isi rumah Cina dan India iaitu RM226.51 dan RM237.20.

Setelah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan Malaysia telah menjalankan pelbagai usaha untuk membaiki keadaan tidak seimbang tersebut, tetapi keadaan pada tahun 1969 masih lagi jauh daripada memuaskan. Jumlah orang Melayu masih kurang yang bekerja di sektor perdagangan dan pembuatan moden, terutama di peringkat pengurusan, profesional, teknikal, pengawasan dan pengkeranian kerajaan Malaysia. Contohnya seperti apa yang dikatakan oleh Freeman:

“Pada masa ini banyak dari jawatan-jawatan di peringkat tinggi dan kebanyakan dari jawatan-jawatan di peringkat tengah – akauntan, kerani, mekanik, tukang – adalah diisi oleh orang dari keturunan Cina, dan seseorang boleh berjalan dalam pejabat – pejabat banyak syarikat besar dan kecil, tanpa melihat lebih dari satu dua muka Melayu” (Freeman, 1968:48)

Satu daripada petunjuk ketidakseimbangan ekonomi antara kaum ialah pegangan hak milik saham dalam syarikat berhad di Malaysia Barat dalam tahun 1970 seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Hak Milik Syer di Syarikat Berhad di Malaysia Barat, 1970

	Juta	Peratus
Melayu dan kepentingan Melayu	125.6	2.4
Melayu	84.4	1.6
Kepentingan Melayu	41.2	0.8
Orang Malaysia lain	1826.5	34.3
Cina	1450.5	27.2
India	55.9	1.1
Lain-lain	320.1	320.1
Orang Asing	3377.1	3377.1
	Jumlah	100

Sumber: Rancangan Malaysia Ketiga (RMT)

Jadual 1 menunjukkan orang asing mempunyai 63.3% daripada saham syarikat berhad dan jurang pemilikan saham antara kaum di Malaysia adalah jelas dengan orang Cina mempunyai 27.2%, orang Melayu 2.4% dan orang India mempunyai 1.1%.

Di samping ketidakseimbangan ekonomi antara kaum, wujud juga ketidakseimbangan ekonomi antara kawasan. Kawasan luar bandar dan negeri-negeri yang mempunyai banyak kawasan luar bandar seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Kedah, Sabah dan Sarawak adalah kurang maju dan lebih miskin daripada kawasan bandar dan negeri-negeri yang lebih banyak bandar seperti Pulau Pinang, Selangor dan Perak. Ketidakseimbangan antara kawasan ini lebih kurang selari pula dengan ketidak- seimbangan antara kaum

kerana bumiputera lebih banyak terdapat di luar bandar.

Matlamat utama pentadbiran kerajaan selepas merdeka ialah untuk membanteras pergantungan ke atas dua atau tiga komoditi utama iaitu dengan mempelbagaikan corak ekonomi dalam sektor pertanian. Aspek ini dilakukan menerusi galakan industrialisasi di kawasan-kawasan terpilih. Aliran ke arah industrialisasi yang menyeluruh telah menjadi isu utama dalam dekad kini. Dalam pembangunan dan kemajuan ekonomi nasional, kerajaan telah cuba memainkan peranan penting melalui aliran umum evolusi ekonomi dalam satu siri rancangan lima tahun:

1. Rancangan Malaya Pertama (1956-60)
2. Rancangan Malaya Kedua (1961-65)
3. Rancangan Malaysia Pertama (1966-70)
4. Rancangan Malaysia Kedua (1971-75)
5. Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80)
6. Rancangan Malaysia Keempat (1981-85)
7. Rancangan Malaysia Kelima (1986-90)
8. Rancangan Malaysia Keenam (1991-95)
9. Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)
10. Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)
11. Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)

Sejak tahun 1971, falsafah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan dengan pengenalan Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975). Matlamat dan strategi DEB ialah 'serampang dua mata' iaitu untuk mengurangkan dan membasmi kemiskinan, meningkatkan pendapatan dan memperbanyakkan lagi peluang pekerjaan tanpa mengira bangsa. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia bagi menyeimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum.

PERUBAHAN DAN PERKEMBANGAN EKONOMI SEHINGGA KINI: RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG PERTAMA (1971-1990)

Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) telah dilancarkan pada 1971 serentak dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). RRJP1 telah dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun merangkumi empat rancangan pembangunan lima tahun bermula dengan Rancangan Malaysia Kedua (1971-1976) hingga Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Pada tempoh tersebut, perancangan ekonomi negara adalah untuk mencapai matlamat utama DEB iaitu perpaduan negara.

DASAR EKONOMI BARU (DEB)

Matlamat utama Dasar Ekonomi Baru (DEB) ialah untuk mencapai perpaduan negara melalui dua strateginya yang bercorak serampang dua mata, iaitu mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira kaum, dan menyusun semula struktur masyarakat Malaysia agar mereka tidak lagi dikenali berasaskan ciri ekonomi dan tempat tinggal.

MEMBASMI KEMISKINAN

Jurang ekonomi antara kaum telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat. Terdapat perbezaan ekonomi yang ketara di antara masyarakat luar bandar yang majoriti penduduknya terdiri daripada orang Melayu yang menjalankan aktiviti ekonomi sara diri, dengan masyarakat bandar yang terdiri daripada kaum Cina

yang menjalankan aktiviti ekonomi komersial. Perbezaan ini boleh menggugat perpaduan negara. Pelbagai usaha membasmi kemiskinan telah dilaksanakan sepanjang pelaksanaan DEB. Antara usaha-usaha itu ialah:

- i. Membuka dan membangunkan kawasan tanah untuk golongan yang tidak memiliki tanah oleh agensi kerajaan seperti FELDA dan FELCRA.
- ii. Membina dan meningkatkan infrastruktur di kawasan luar bandar.
- iii. Memperbaiki dan meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui pelajaran, latihan, kesihatan dan sebagainya.
- iv. Meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan.

MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT

Strategi penyusunan semula masyarakat diharapkan dapat menghapuskan pengenalan kaum berdasarkan kepada kegiatan ekonomi dan tempat tinggal. Tujuan penyusunan semula guna tenaga dilakukan adalah untuk memperlihatkan bahawa penduduk Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum. Penstrukturan ini juga dapat memberi peluang kepada semua kaum untuk menikmati kekayaan negara dan mewujudkan keharmonian di kalangan semua kaum di Malaysia. Melalui penyusunan semula masyarakat, diharapkan pemilikan saham di Malaysia akan melambangkan komposisi kaum di negara ini. Sasaran agihan bagi pemilikan saham mengikut komposisi kaum ialah 30:40:30. Menerusi pelaksanaan DEB, adalah diharapkan kaum bumiputera akan mencapai sekurang-kurang 30 peratus pemilikan saham di Malaysia menjelang tahun 1990. Pada 1971 pemilikan saham oleh kaum bumiputera ialah 2.4 peratus sahaja berbanding dengan kaum bukan bumiputera yang telah mencapai 34.3 peratus (lihat jadual 1). Walau bagaimanapun sasaran 30 peratus untuk kaum bumiputera bukanlah dengan mengambil hak yang telah dimiliki oleh kaum bukan bumiputera tetapi ialah dengan mengurangkan hak

pemilikan saham oleh orang asing. Kedua-dua kaum bumiputera dan bukan bumiputera boleh merebut peluang untuk mendapatkan hak daripada orang asing tersebut.

Langkah-langkah bagi mencapai strategi menyusun semula masyarakat ialah:

- i. Menyusun semula guna tenaga untuk mencerminkan komposisi kaum yang seimbang.
- ii. Membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan orang Melayu dan kaum bumiputera.
- iii. Menubuhkan agensi kerajaan seperti Bank Pembangunan, Permodalan Nasional Berhad dan lain-lain bagi membantu kaum bumiputera mendapatkan modal dan membuat pelaburan.
- iv. Memajukan negeri dengan menubuhkan agensi pembangunan wilayah seperti DARA, KEJORA, dan lain-lain.
- v. Membangunkan kawasan zon perindustrian di bandar dan menggalakkan migrasi dari luar bandar ke bandar.
- vi. Pembangunan bandar baru.

PENCAPAIAN DASAR EKONOMI BARU

Secara umumnya sasaran untuk mengurangkan kemiskinan telah berjaya dicapai. Kadar kemiskinan penduduk Malaysia telah berjaya diturunkan daripada 42.4 peratus pada 1970 kepada 17.1 peratus pada 1990. Pendapatan purata sebenar kaum bumiputera telah meningkat daripada RM172 sebulan (1970) kepada RM940 sebulan (1990).

Dari segi pemilikan hak milik modal masyarakat bumiputera meningkat daripada 2.4 peratus (1970) kepada 12.5 peratus (1980) dan 19.3 peratus (1990). Namun begitu sasaran sebanyak 30 peratus tidak berjaya dicapai. Pemilikan modal oleh kaum Cina telah meningkat daripada 34.3 peratus (1970) kepada 46.8 peratus (1990), satu pencapaian yang melebihi daripada sasaran iaitu 40 peratus. Dari segi pembangunan bandar baru, 28 buah bandar baru telah dibangunkan di

kawasan pembangunan wilayah di Johor Tenggara, Kelantan Selatan, Pahang Tenggara dan Terengganu Tengah.

Pembangunan Ekonomi Negara Dalam Konteks Perpaduan Nasional

- i. Pembangunan dan perancangan ekonomi dirangka agar semua kumpulan etnik dapat menyertai semua bidang dan peringkat kegiatan ekonomi untuk mencapai perpaduan negara
- ii. Mengurangkan perbezaan ekonomi antara orang Melayu dan bukan Melayu
- iii. Merapatkan jurang pendapatan antara kaum, sektor bandar dan luar bandar, pertanian dan industri
- iv. Mengurangkan kemiskinan tanpa mengira kaum
- v. Pembangunan negara yang seimbang antara negeri-negeri di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak
- vi. Penyusunan semula masyarakat di Malaysia
- vii. Kaum-kaum tidak lagi dikenali mengikut sektor/ pekerjaan
- viii. DPN misalnya mempunyai objektif yang jelas, iaitu perpaduan negara akan terus menjadi matlamat terakhirnya kerana masyarakat yang bersatu padu adalah penting untuk mengukuhkan kestabilan sosial serta politik dan mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan.